



# PELAN INTEGRITI DAN KOD ETIKA



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MEMACU TRANSFORMASI  
PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM

## PELAN INTEGRITI DAN KOD ETIKA

Diterbitkan oleh:

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Aras 4-9 Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62519, W.P. PUTRAJAYA, MALAYSIA

Hak cipta © 2014 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Hak cipta terpelihara. Tiada kandungan dalam penerbitan ini boleh disalin atau diedarkan dalam apa-apa bentuk atau cara, elektronik atau mekanikal, termasuk salinan fotokopi, rakaman atau apa-apa sistem penyimpanan tanpa kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Reka Bentuk dan Dicitak oleh:

Reka Cetak Sdn. Bhd.

No. 14 Jalan Jemuju Empat 16/13D,

Seksyen 16, 40200 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5510 4254 / 4758

Faks: 603-5510 4059



Firman Allah dalam Surah al-Anfal: Ayat 27.

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا خُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَخُونُوا  
أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

**Maksudnya:** "Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)."

**Terjemah hadith:** Daripada Abu Hurairah radhiallahuanhu dia berkata: Rasulullah shallallahu `alaihi wa sallam bersabda: Setiap anggota tubuh manusia dapat melakukan sedekah, setiap hari di mana matahari terbit lalu engkau berlaku adil terhadap dua orang (yang bertikai) adalah sedekah, engkau menolong seseorang yang berkenderaan lalu engkau bantu dia untuk naik kenderaannya atau mengangkatkan barangnya adalah sedekah, ucapan yang baik adalah sedekah, setiap langkah ketika engkau berjalan menuju solat adalah sedekah dan menghilangkan gangguan dari jalan adalah sedekah.

(Riwayat Bukhari dan Muslim (Bukhari no. 2989, Muslim no. 1009)



## NILAI TERAS PERKHIDMATAN AWAM

### BENAR

Setiap amalan, tindakan dan perilaku hendaklah berdasarkan kebenaran, undang-undang dan peraturan

### TELUS

Setiap tindakan dan keputusan hendaklah dibuat melalui proses yang telus dan maklumatnya perlu dihebahkan kepada pihak yang berhak selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan

### BERSYUKUR

Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan, pencapaian dan anugerah yang diperoleh serta menunjukkan kepuasan terhadap nikmat yang diterima

### ADIL

Membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan serta fakta yang lengkap dan tepat

### BIJAKSANA

Setiap tugas dan tanggungjawab perlu dilaksanakan secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan profesionalisme

### AMANAH

Setiap tugas hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab



## *Aspirasi* KETUA PENGARAH JAKIM

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat, tabiin serta para salafusaleh. Semoga kita tergolong dalam kalangan umat yang mengikut jejak langkah Rasulullah SAW hingga ke Hari Akhirat.

Pekerja yang berintegriti dan berperibadi mulia merupakan aset terpenting dalam membangun sebuah organisasi yang cemerlang. Ini kerana, pekerja yang berintegriti seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran sebagai "القوي الأمين" (orang yang kuat, lagi amanah) akan bekerja dengan penuh iltizam, bertanggungjawab, berdedikasi, mempunyai kepakaran dalam kerjanya serta menghasilkan produktiviti kerja yang berkualiti tinggi. Inilah ciri-ciri pekerja yang terbaik seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas, ayat; 26 mafhumnya: "Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayahku, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah."

Menyedari hakikat tersebut, Jakim beriltizam untuk membudayakan etika kerja yang berteraskan prinsip kerja Islam ke arah mewujudkan jentera perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti serta dihormati oleh semua pihak. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab setiap warga Jakim untuk memberikan kerjasama dan sokongan dalam memahami, menghayati dan menerapkan etika kerja yang murni seperti yang digariskan dalam Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim. Selain itu, warga Jakim juga perlu terus berusaha untuk merealisasikan apa yang telah digariskan dalam Sasaran Strategik Pelan Integriti Jakim ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai Negara Maju Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020.

**"MEMACU TRANSFORMASI PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM"**

**DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI MUSTAPHA**



“Penjawat awam perlu dilihat memberikan khidmat yang menyenangkan rakyat. Ini kerana sebab musabab atau *raison d’être* kepada kewujudan perkhidmatan awam itu sendiri adalah untuk mengkhidmati rakyat. Kepuasan hati rakyat adalah tanda aras utama kepada kejayaan sektor awam.”

**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK**  
Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesepuluh (MAPPA X)  
PICC Putrajaya, 28 April 2009

“Kita memerlukan modal insan di kalangan kakitangan yang mempunyai sifat-sifat sepertimana yang digambarkan dalam Surah al-Qasas ayat 26 yang menyentuh tentang sifat pekerja al-Qawiyul Amin iaitu yang kuat lagi amanah; merujuk kepada pekerja yang cekap, berintegriti, profesional, gigih, seimbang dari segi kekuatan fizikal dan mental serta mempunyai sifat-sifat kesopanan dan keperibadian yang tinggi.”

**YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B)**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
Majlis Perhimpunan Agensi-agensi di bawah YB Menteri di  
Jabatan Perdana Menteri, Auditorium D8 Putrajaya, 11 Jan 2011



“Saya percaya semua warga perkhidmatan hal ehwal Islam mempunyai tahap etika dan integriti yang tinggi dalam melaksanakan tugas, dan saya sangat berharap mereka akan menjadi cermin dan contoh ikutan kepada perkhidmatan yang lain. Sesungguhnya integriti amat berkait rapat dengan nilai keagamaan seperti jujur, amanah, benar, setia dan sebagainya yang menjadi tunggak utama dalam perkhidmatan.”

**YBHG TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA**  
Ketua Setiausaha Negara  
Konvensyen Perkhidmatan Hal Ehwal Islam 2012, ILIM, Bangi,  
22 Januari 2013

# Isi

## KANDUNGAN



Renungan	3	9	Kewajipan Terhadap Organisasi
Nilai Teras Perkhidmatan Awam	4	12	Tujuan
Aspirasi Ketua Pengarah Jakim	5	12	Latar Belakang Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim
Mutiara Kata YAB Perdana Menteri, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara	6	12	Pengukuhan Integriti Sektor Awam
Mutiara Hikmah	8	18	Definisi Integriti Sektor Awam
Pematuhan kepada Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim	19	25	Aku Janji
Agenda Integriti Jakim	19	25	Mekanisme Pelaksanaan
Tekad Integriti Jakim	20	27	Sasaran Strategik Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim
Ikrar Warga Jakim	21	35	Tindakan dan Pemantauan
Nilai-nilai Kembangan	21	36	Penutup
		37	Rujukan
		38	Lampiran



Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab: Ayat 72.

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

**Maksudnya:** "Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan."





# *Kewajipan* TERHADAP ORGANISASI

Setiap warga kerja Jakim bertanggungjawab untuk memahami, menghayati dan mematuhi dengan sepenuhnya halatuju Jakim berdasarkan perkara-perkara berikut:

## HALA TUJU JAKIM

01

02

03

04

### VISI

Peneraju dalam membina ketamadunan ummah yang unggul

### MISI

Mewujudkan pengurusan hal ehwal Islam yang cekap dan berkesan

### MOTO

Berwibawa dan berhikmah

### SLOGAN

Memacu transformasi pengurusan hal ehwal Islam



## OBJEKTIF

- i. Memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat;
- ii. Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, dedikasi serta berhikmah; dan
- iii. Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.

## FUNGSI

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam peringkat persekutuan serta menjadi urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang dipengerusikan oleh **YAB Perdana Menteri Malaysia**, Jakim dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan 3 fungsi utama seperti berikut:

- i. Penggubalan & Penyeragaman Undang-Undang Syarak/Sivil
- ii. Penyelarasan Pentadbiran Islam
- iii. Penyelarasan & Pembangunan Pendidikan Islam

## FALSAFAH KERJA

Setiap warga kerja Jakim hendaklah memahami bahawa falsafah kerja yang boleh dijadikan panduan adalah seperti berikut:

- i. Bekerja adalah suatu ibadah yang bertujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.
- ii. Bekerja demi kepentingan agama, negara dan ummah.

## BUDAYA KERJA

Setiap warga Jakim hendaklah menjadikan amalan berikut sebagai budaya dalam melaksanakan tugas-tugas seharian, iaitu:

- i. Bekerja dengan Keimanan dan Ketakwaan;
- ii. Bekerja dengan Profesional;
- iii. Bertindak Sebagai Satu Pasukan;
- iv. Bersedia Memimpin dan Dipimpin; dan
- v. Berkhidmat untuk Kebahagiaan Semua.

## NILAI BERSAMA

Warga Jakim hendaklah berpegang kepada lima (5) Nilai Teras Utama yang menjadi panduan dalam melaksanakan misi Jakim ke arah mencapai visi yang ditetapkan. Nilai-nilai Teras Utama Jakim adalah seperti berikut :



**Jati Diri:**

Mempunyai jati diri yang berjiwa merdeka dalam berkhidmat untuk bangsa, dan negara berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.



**Amanah:**

Menjalankan tugas dengan penuh iltizam, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan aku janji yang telah diikrarkan.



**Kerjasama:**

Menggembeng tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.



**Iman, Ikhlas, Integriti:**

Berkhidmat dengan penuh keimanan, keikhlasan dan berintegriti melalui etika kerja yang sistematik, efisien dan konsisten demi menghasilkan impak yang cemerlang.



**Mardhatillah (Mencari Keredhaan Allah SWT):**

Bekerja berlandaskan prinsip-prinsip syariah ke arah memartabatkan ummah demi mencapai keredhaan Allah SWT.





# *Pelan Integriti* DAN KOD ETIKA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

## TUJUAN

Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim dibangunkan untuk menjadikan Jakim sebagai sebuah agensi Pengurusan Hal Ehwal Islam yang cemerlang dalam aspek pembudayaan nilai-nilai murni dan integriti. Bagi menjayakan agenda tersebut, pelan ini menggariskan strategi dan program ke arah menyemarakkan pembudayaan akhlak dan etika kerja Islam serta mengamalkan integriti dalam semua aspek pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan kepada *stakeholder* dan pelanggan. Pelan ini juga bertujuan membentuk keperibadian yang unggul dalam kalangan warga Jakim serta memupuk sikap bertanggungjawab bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik selaras dengan visi dan misi Jakim.

## LATAR BELAKANG PELAN INTEGRITI DAN KOD ETIKA JAKIM

2. Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada 23 April 2004 adalah langkah penting yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan integriti dan pembudayaan nilai murni dalam kalangan semua lapisan masyarakat. PIN dilancarkan bagi merealisasikan cabaran ke-4 Wawasan 2020, iaitu untuk; "*melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika, kukuh dengan nilai-nilai murni agama serta mempunyai budi pekerti yang luhur dan mulia.*"
3. Objektif pelaksanaan PIN antara lainnya menasarkankan peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui dwi objektif pengukuhan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang terbaik di samping peningkatan integriti pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan awam. Tadbir urus yang terbaik sektor awam adalah berteraskan kepada empat prinsip iaitu integriti, akauntabiliti, pengamanahan dan pengawasan (*stewardship*) dan ketelusan. Oleh yang demikian, prinsip tadbir urus yang terbaik adalah penting terutamanya dalam gerakan membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di peringkat Jabatan, di samping meningkatkan sistem penyampaian Jabatan.

## PENGUKUHAN INTEGRITI SEKTOR AWAM

4. Sistem penyampaian dan tadbir urus terbaik dalam Sektor Perkhidmatan Awam adalah bertujuan untuk membanteras gejala rasuah dan salah laku dalam kalangan penjawat awam. Perkara ini penting bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam

yang cemerlang dapat dicapai dengan jayanya. Konsep tadbir urus secara menyeluruh termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, Rukun Negara dan 10 Prinsip Pendekatan Hadhari. Beberapa prinsip tadbir urus yang terbaik telah diserapkan ke dalam pelbagai arahan sektor awam, antaranya ialah Arahan YAB Perdana Menteri Bil.1 Tahun 1998 yang bertujuan mengukuhkan integriti sektor awam melalui penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah bagi mencegah rasuah, amalan salah guna kuasa dan penyelewengan dalam kalangan Pegawai Awam. Arahan ini telah dipinda melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2009 yang mensyaratkan penubuhan **Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)** di Peringkat Persekutuan dan Negeri sebagai pengukuhan kepada Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan yang telah digerakkan semenjak tahun 1998.

5. Amalan yang tidak berintegriti seperti salah guna kuasa dan gejala rasuah adalah bercanggah dengan prinsip moral, etika dan agama. Ia menyumbang kepada ketidakseimbangan sosioekonomi dan menghakis sistem nilai dalam kalangan rakyat Malaysia. Rasuah dalam perspektif hukum Islam adalah haram berdasarkan al-Quran, Sunnah dan Ijmak Ulama. Firman Allah SWT (yang bermaksud):

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا  
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

***“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan salah, dan janganlah pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, pada hal kamu mengetahui (salahnya).”***

(Surah al-Baqarah, ayat 188)

Sabda Rasulullah SAW:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ الرَّاشِيَ وَالْمُرْتَشِيَ فِي الْحُكْمِ

***Ertinya: “Rasulullah SAW telah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah dalam penetapan keputusan (pemerintahan, pentadbiran, kehakiman dan lain-lain).”***

(Riwayat At-Tirmidzi, 3/622)

6. Antara faktor utama yang menyebabkan berlaku rasuah ialah kerana lemahnya iman dan jati diri individu, terpedaya dengan tuntutan hawa nafsu, terlalu mengejar kemewahan dunia yang sementara serta tidak bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah SWT. Individu yang terjebak dengan gejala rasuah boleh menyebabkan rosaknya akidah dengan



melakukan syirik kepada Allah SWT. Ini kerana, sifat hamba yang hanya boleh berserah dan meminta pertolongan kepada Allah SWT diganti dengan dorongan meminta sesama manusia. Selain itu, kesan dari jenayah rasuah ini akan mengakibatkan punca pendapatan menjadi tidak halal. Islam menegaskan bahawa setiap darah daging yang tumbuh daripada hasil yang haram, maka api neraka adalah tempatnya seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

كُلُّ لَحْمٍ نَبَتَ مِنْ حَرَامٍ فَالْتَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ

**“Setiap daging yang tumbuh hasil dari makanan yang haram itu maka api neraka adalah lebih utama untuknya.”**

(Hadis riwayat at-Tirmizi)

7. Semenjak tiga dekad yang lalu, kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar bagi memacu kemajuan negara yang seimbang dari sudut pembangunan spiritual (kekuatan rohani) dan fizikal (kekuatan jasmani). Untuk itu dasar-dasar seperti ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ (1982), ‘Kepimpinan Melalui Teladan’ (1983), ‘Budaya Kerja Cemerlang’ (1983), ‘Penerapan Nilai Islam’ (1985), ‘Kod Etika Kerja’, ‘Piagam Pelanggan’ dan ‘ISO 9000’ ‘Pendekatan Islam Hadhari’ dan ‘Pelan Integriti Nasional’ (2004), telah diperkenalkan. Kesemua dasar ini bertujuan untuk menerapkan satu sikap bekerja yang positif, mewujudkan pentadbiran yang cekap dan berkesan, meningkatkan produktiviti serta keupayaan agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan memuaskan kepada masyarakat. Namun demikian, berdasarkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI) bagi tahun 2000 hingga 2013 seperti di **Jadual 1** memperlihatkan bahawa kedudukan Malaysia masih berada di tahap sederhana.

**Jadual 1:**

Kedudukan Malaysia Berdasarkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Bagi Tahun 2000-2013


Tahun	Kedudukan	Skor	Bilangan Negara Dikaji
2000	36	4.8	90
2001	36	5.0	91
2002	33	4.9	102
2003	37	5.2	133
2004	39	5.0	146
2005	39	5.1	159
2006	44	5.0	163
2007	43	5.1	180
2008	47	5.1	180
2009	56	4.5	180
2010	56	4.4	178
2011	60	4.3	178
2012	54	4.9	174
2013	53	5.0	175

Sumber : Transparency International (TI)

8. **Jadual 2** dan **Jadual 3** memperlihatkan prestasi Negara menunjukkan *trend* menurun dari tahun ke tahun. Daripada 10 negara ASEAN yang dinilai pada tahun 2013, Malaysia berada di kedudukan ketiga secara keseluruhan.

**Jadual 2 :**

Kedudukan Malaysia daripada 10 Negara Asean Bermula dari Tahun 2003 Hingga 2013



**Jadual 3 :**

Skor CPI yang Diperoleh 10 Negara Asean Bermula dari Tahun 2002 Hingga 2013

NEGARA	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Singapura	9.4	9.4	9.4	9.3	9.2	9.3	9.2	9.2	9.3	9.2	87	86
Brunei								5.5	5.5	5.2	55	60
Malaysia	4.9	5.2	5	5.1	5	5.1	5.1	4.5	4.4	4.3	49	50
Thailand	3.2	3.3	3.6	3.8	3.6	3.3	3.5	3.4	3.5	3.4	37	36
Indonesia	1.9	1.9	2	2.2	2.4	2.3	2.6	2.8	2.8	3	32	32
Filipina		2.6	2.5	2.6	2.5	2.5	2.5	2.3	2.4	2.6	34	36
Vietnam		2.4	2.4	2.6	2.6	2.6	2.6	2.7	2.7	2.9	31	31
Laos					3.3	2.6	1.9	2	2.1	2.2	21	26
Kemboja		1.2	1.3	1.5	2.3	2.1	2	1.8	2.1	2.1	22	20
Myanmar			1.6	1.7	1.8	1.9	1.4	1.3	1.4	1.5	15	21

Sumber : Kajian Transparency International (TI)




9. **Jadual 4** menunjukkan kajian *Global Corruption Barometer* (GCB) bagi tahun 2010 yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI) berkaitan persepsi masyarakat terhadap sektor yang paling tinggi terlibat dengan gejala rasuah. Daripada 11 sektor yang dikaji, 79% responden menyatakan Parti Politik adalah sektor yang paling terlibat dengan gejala rasuah diikuti Perkhidmatan Awam 62%, Parlimen/Perundangan 60%, Polis 58%, Perniagaan/Swasta 51%, Badan Agama 50%, Kehakiman 43%, Media 40%, Pendidikan 38% dan 30% menyatakan sektor Ketenteraan dan NGO's terpengaruh dengan gejala rasuah.
10. Sementara itu, pengumuman TI berhubung hasil kajian GCB bagi tahun 2010 menunjukkan perkembangan yang amat positif mengenai tahap keyakinan masyarakat terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan Kerajaan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 5**. Persepsi positif dan keyakinan masyarakat Malaysia melonjak kepada 48% berbanding hanya 28% pada tahun 2009. Ini sekali gus melebihi sasaran yang ditetapkan dalam KPI iaitu hanya sekitar 38% berbanding pencapaian sebanyak 48%. Walaupun pada tahun 2009, 66% masyarakat menganggap usaha-usaha pencegahan rasuah yang dijalankan tidak berkesan, tetapi melalui program yang dijalankan oleh Kerajaan kadar persepsi masyarakat dapat dibaiki dengan peratus penurunan yang jelas ketara iaitu hanya 20% sahaja yang masih beranggapan sedemikian pada tahun 2010. Antara dasar dan program yang berjaya meningkatkan keyakinan dan persepsi positif masyarakat terhadap usaha pencegahan rasuah termasuklah:
- Pengenalan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) berhubung rasuah;
  - Penaiktarafan BPR kepada Suruhanjaya dengan kuasa yang lebih menyeluruh;
  - Akta Perlindungan Saksi yang berkuat kuasa pada 15 Disember 2010;
  - *Integrity Pact* dalam Sistem Perolehan Kerajaan;
  - Garis Panduan berhubung surat sokongan;
  - *Myprocurement website*;
  - Kewujudan 18 mahkamah khas membicarakan kes-kes rasuah;
  - Name & *Shame* dalam laman portal SPRM;
  - Kewujudan Unit Pematuhan di beberapa agensi penguatkuasaan.



**Jadual 4 :**

Persepsi Masyarakat Terhadap Sektor yang Dilihat Paling Dipengaruhi oleh Gejala Rasuah



Sumber : Kajian Global Corruption Barometer (GCB) 2010

**Jadual 5 :**

Persepsi Masyarakat Terhadap Usaha Kerajaan dalam Membanteras Rasuah.

Isu	Pandangan Responden	2009 (%)	2010 (%)
Persepsi terhadap tindakan kerajaan dalam membanteras rasuah.	Berkesan	28	48
	Neutral	6	32
	Tidak Berkesan	66	20
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Kajian Global Corruption Barometer (GCB) 2010



11. Umumnya, GCB merupakan salah satu kajian yang dijalankan serentak oleh *Transparency International* di 86 buah negara dan melibatkan 91,781 responden. Berbanding kajian *Corruption Perception Index* (CPI). GCB lebih kepada kajian mengenai pengalaman, pandangan dan persepsi masyarakat tempatan berhubung tahap rasuah di negara masing-masing. Manakala CPI menjurus kepada pengalaman, pandangan dan persepsi masyarakat serta pelabur luar negara terhadap sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, seramai 1,000 responden terlibat dalam kajian ini iaitu 57% penduduk bandar dan 44% penduduk luar bandar. Secara keseluruhannya, tahap rasuah di Malaysia masih di peringkat terkawal. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk mengukuhkan integriti khususnya dalam kalangan penjawat awam perlu terus dipertingkatkan secara konsisten dengan semua pihak perlu mengambil tanggungjawab secara bersama terutama dalam membanteras gejala rasuah.

## **DEFINISI INTEGRITI SEKTOR AWAM**

12. Integriti dalam Perkhidmatan adalah seperti pengertian berikut:

### **Integriti**

- 12.1 Integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkait erat dengan etika dan nilai-nilai mulia. Ia adalah berlandaskan etika dan cerminan etika dalam tindakan sehari-hari.

### **Integriti Individu**

- 12.2 Integriti individu ialah keselarasan di antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang diamalkan, antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta di antara kepentingan diri dan kepentingan umum. Seseorang dikatakan berintegriti apabila dia bertindak atau bertingkah laku sedemikian secara konsisten dalam pelbagai segi.

### **Integriti Organisasi**

- 12.3 Selain individu, organisasi juga mesti mempunyai integriti. Integriti organisasi tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi.



### **Integriti Penjawat Awam**

12.4 Bagi individu yang memegang amanah seperti mereka yang menjawat jawatan awam, integriti bermaksud melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kepentingan umum. Penjawat jawatan itu tidak boleh menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri, keluarga, saudara mara atau kaum kerabat sendiri. Apabila berlaku konflik kepentingan, ia mesti diselesaikan dengan memberi keutamaan kepada kepentingan awam. Dengan demikian penjawat itu perlu telus dan tulus, harus memikul pertanggungjawaban terhadap ketuanya, orang di bawahnya dan kepada pihak lain.

## **PEMATUHAN KEPADA PELAN INTEGRITI DAN KOD ETIKA JAKIM**

13. Warga kerja Jakim adalah tertakluk kepada Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim ketika menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan berdasarkan ketetapan berikut:
  - 13.1 Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim adalah menjadi pegangan dan amalan yang akan menampilkan ciri-ciri khusus warga kerja Jakim ketika melaksanakan tugas dalam pelbagai keadaan, selaras dengan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Manual Kualiti yang terkini;
  - 13.2 Warga kerja Jakim hendaklah sentiasa menjaga, memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan maruah diri, Jabatan, Agama, Bangsa dan Negara serta sentiasa hormat dan patuh kepada undang-undang dan sentiasa bersedia untuk berbakti kepada negara; dan
  - 13.3 Semua warga kerja Jakim perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-Perintah Am, pekeliling dan surat pekeliling serta apa-apa peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan.

## **AGENDA INTEGRITI JAKIM**

14. Setiap Warga Jakim hendaklah memahami bahawa setiap arahan kerja yang diterima adalah sebagai amanah yang perlu dilaksanakan. Di samping itu, warga kerja Jakim juga adalah tertakluk dengan tanggungjawab sebagai penjawat awam seperti yang telah diakujanjikan dalam pelantikan Perkhidmatan Awam. Justeru, sebarang aktiviti



pelanggaran undang-undang atau perilaku yang menjejaskan integriti Perkhidmatan Awam hendaklah dielakkan.

15. Untuk mengelakkan diri dari tergolong di kalangan orang yang lalai, lupa dan leka serta suka berbuat kerosakan, kita perlu mengamalkan sikap sebagai seorang khalifah di muka bumi ini. Sebagai seorang khalifah, kita sebenarnya telah dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk mentadbir dan menggunakan segala isi alam dengan sebaiknya. Oleh yang demikian, terlebih dahulu, kita hendaklah menyiapkan diri dengan segala pekerti yang mulia, memperelokkan peribadi, beramal, berbudi dan berbasahalah dengan baik, tulus dalam beramal, ikhlas dalam niat, ihsan dalam bekerja di samping mengajak orang lain bersama-sama melakukan kebajikan serta berusaha mewujudkan persekitaran yang baik. Inilah yang dinamakan konsep '**hablu minallah**' (menjaga hubungan baik dengan Pencipta) **wahablu minan nas** (menjaga hubungan baik sesama manusia).

## TEKAD INTEGRITI JAKIM

16. Setiap warga Jakim adalah bertanggungjawab untuk menyumbang ke arah pembentukan budaya integriti dan penerapan nilai-nilai murni dalam amalan kerja seharian. Justeru, setiap warga Jakim hendaklah mempunyai keazaman yang tinggi dan bertekad untuk menjayakan agenda integriti Jakim berdasarkan prinsip-prinsip berikut:
  - 16.1 Bertekad untuk memahami dan menghayati visi, misi, falsafah kerja, dan nilai-nilai yang terkandung dalam Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim;
  - 16.2 Bertekad untuk menghayati dan mengamalkan apa yang digariskan dalam Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim;
  - 16.3 Bertekad untuk menjadi teladan terbaik dengan menzahirkan akhlak-akhlak terpuji dalam setiap perlakuan dan tindakan;
  - 16.4 Bertekad untuk menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
  - 16.5 Bertindak tegas terhadap setiap individu atau mereka yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam;
  - 16.6 Berani menasihati, menegur, mendedahkan serta melaporkan sebarang perilaku atau tindakan yang menyalahi undang-undang, dasar dan peraturan-peraturan sedia ada; dan
  - 16.7 Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi jenayah rasuah.

## IKRAR WARGA JAKIM

17. Setiap warga Jakim adalah tertakluk kepada segala peraturan sebagai penjawat awam dan perlu mematuhi ikrar jabatan seperti berikut:



### Ikrar Warga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ


Bahawasanya kami warga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berikrar untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh kesungguhan dan berintegriti berdasarkan pernyataan-pernyataan berikut;

- Menyedari dan menginsafi terhadap tanggungjawab kami kepada agama, bangsa dan negara;
- Menghayati Perlembagaan dan cita-cita Rukun Negara;
- Mengamalkan nilai-nilai murni Islam dalam perkhidmatan;
- Menjaga nama baik Perkhidmatan Awam dan Jabatan;
- Berusaha dan bertekad sepenuhnya untuk memerangi gejala rasuah;
- Berpegang teguh kepada teras perkhidmatan cemerlang; serta
- Berazam dengan penuh kesungguhan untuk memajukan Jabatan.



## NILAI-NILAI KEMBANGAN

18. Setiap warga Jakim hendaklah memahami, menghayati dan seterusnya berusaha untuk mengaplikasikan 11 Nilai-Nilai Kembangan dalam perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 1**.



**Rajah 1:** Nilai-Nilai Kembangan

### 18.1 Takwa

Setiap warga Jakim hendaklah berusaha melakukan perkara-perkara yang diperintah oleh Allah SWT dengan penuh keimanan dan pengharapan serta berusaha menjaga dan memelihara diri daripada melakukan perkara-perkara yang di larang-Nya.

### 18.2 Ikhlas

Ikhlas bermaksud hati yang bersih, jujur, tulus dan suci. Seseorang pekerja yang ikhlas dalam melaksanakan tugasnya sentiasa menerima tanggungjawab dengan penuh keredhaan dan berusaha menghasilkan prestasi kerja yang terbaik secara berterusan. Kesungguhannya didorong oleh kejujuran dan rasa tanggungjawab dan bukan kerana pujian-pujian atau ganjaran. Antara sifat terpuji lain yang dimiliki oleh pekerja yang ikhlas ialah tidak menunjuk-nunjuk dan sentiasa bersedia melaksanakan apa sahaja tugas yang diberi serta menyempurnakan tanpa mengira masa.

### 18.3 Sabar

Sabar ialah sifat kekuatan dan ketahanan diri dalam menerima kesusahan atau halangan. Seseorang yang sabar menganggap bahawa sesuatu tekanan kerja dan kesukaran yang dihadapi adalah merupakan cubaan daripada Allah SWT. Seorang pekerja yang memiliki sifat sabar akan sentiasa berhemah tinggi, bersopan santun dan tenang walaupun



dalam keadaan yang cemas atau amat mencabar. Sifat ini boleh membawa kepada kesempurnaan dalam melaksanakan sesuatu tugas di samping membawa keharmonian di dalam sesebuah kumpulan atau organisasi.

#### **18.4 Berbudi Mulia**

Berbudi mulia ialah satu nilai yang ada pada seseorang yang mudah memberi kesenangan atau menolong orang lain tanpa disuruh dan tanpa mengharap apa-apa balasan. Gerak-geri dan kelakuannya penuh sopan, tidak menyakitkan hati atau menyinggung perasaan orang lain. Seseorang yang berbudi mulia akan merasa senang apabila melihat orang lain senang. Teladan baik yang ditunjukkannya boleh mendorong kepada kebaikan dan kemesraan serta mewujudkan hubungan harmonis dalam kumpulan dan organisasi yang dianggotainya.

#### **18.5 Inovatif**

Sentiasa bersedia melahirkan pemikiran yang positif dan terbuka, bersikap proaktif, bersedia menerima sebarang transformasi dan berusaha menguasainya melalui kaedah dan strategi yang berkesan untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang.

#### **18.6 Profesional**

Mempunyai komitmen yang tinggi, cekap dan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri, bermotivasi dan berdaya saing serta berusaha memberikan yang terbaik.

#### **18.7 Bersih**

Bersih adalah nilai yang melambangkan sifat suci daripada kekotoran rohani dan jasmani. Dalam konteks perkhidmatan, seorang penjawat awam dikatakan bersih jika sikap dan perilakunya tidak menunjukkan sifat-sifat negatif seperti niat jahat, buruk sangka, iri hati, marah, cemburu, dendam dan seumpamanya. Dari aspek yang lain, pekerja yang dikatakan bersih akan sentiasa prihatin kepada kebersihan luaran atau persekitaran. Pakaianya sentiasa bersih dan kemas, tempat kerjanya sentiasa tersusun rapi. Kebersihan ini terjelma pada perawakan dan pembawaannya. Hubungannya dengan rakan-rakan amat tertib dan bersopan. Pertuturannya tidak menyinggung perasaan. Nilai bersih juga boleh dilihat dari segi pemilikan harta atau kekayaan. Dalam hal ini, penjawat awam yang bersih sentiasa memastikan harta yang diperoleh adalah halal dan berpadanan dengan kedudukan dan kemampuannya. Mereka tidak akan membiarkan diri terjerumus dalam keadaan berhutang yang tidak terkawal sehingga boleh mendorong kepada perbuatan keji seperti penipuan, penyelewengan atau rasuah.



## 18.8 Bertanggungjawab

Bertanggungjawab bermaksud sesuatu kerja, tugas atau janji yang mesti dilaksanakan. Seseorang yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan sesuatu tugas bermakna beliau telah diamanahkan untuk menyempurnakan tugas tersebut. Seseorang penjawat awam yang bertanggungjawab akan melaksanakan sesuatu tugas dengan bersungguh-sungguh dan merasa bersalah sekiranya gagal menyempurnakannya ke tahap yang terbaik.

## 18.9 Tekun

Tekun bermaksud bersungguh-sungguh dan teliti dalam melaksanakan sesuatu tugas. Pekerja yang tekun adalah komited pada tugasnya dan berupaya memberi sepenuh penumpuan dalam menyempurnakan tugas tersebut. Mereka sabar dalam menghadapi segala kesulitan dan sentiasa tabah menyelesaikan sesuatu masalah. Dengan itu, mereka bukan sahaja produktif tetapi dapat menghasilkan *output* dan *outcome* yang berkualiti dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Pekerja seperti ini akan mengutamakan tugasnya daripada kepentingan diri serta sanggup berkorban masa dan tenaga untuk kepentingan organisasi, perkhidmatan agama dan negara.

## 18.10 Berdisiplin

Berdisiplin adalah sifat yang mengawal diri seseorang agar sentiasa berperilaku mengikut landasan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Penjawat awam yang berdisiplin adalah mereka yang tertib dalam kelakuan dan tindakan, patuh dan taat kepada arahan, peraturan dan undang-undang, berpegang teguh kepada ajaran agama dan sentiasa menjaga maruah diri, keluarga, organisasi, perkhidmatan dan negara. Mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan tekun tanpa perlu penyeliaan yang rapi. Pekerja yang berdisiplin mempunyai prinsip hidup yang jelas, memahami tanggungjawab yang diamanahkan, bermatlamat dan penuh wawasan. Pekerja yang berdisiplin akan menjadi contoh teladan yang sentiasa dihormati.

## 18.11 Sederhana

Sederhana adalah sifat yang menolak keterlaluan, berlebihan atau melampau. Kesederhanaan pada seorang pekerja dapat dilihat dari kebijaksanaannya dalam membuat pertimbangan. Sesuatu yang dilakukan tidak keterlaluan, sama ada dari sudut tindakan, percakapan, pakaian atau perbuatannya. Dalam konteks perkhidmatan awam, sikap kesederhanaan boleh dikaitkan dengan amalan pengurusan seperti tidak



boros dalam perbelanjaan atau tidak membazir di dalam menggunakan peralatan dan kemudahan pejabat, tidak gopoh dalam membuat keputusan atau tindakan dan sentiasa berhati-hati serta berwaspada.

## AKU JANJI

19. Setiap warga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) wajib membaca dan menandatangani Surat Aku Janji seperti di **Lampiran A** semasa melaporkan diri ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Mereka harus menampilkan perlakuan yang mulia sepanjang tempoh berkhidmat sebagai Penjawat Awam.

## MEKANISME PELAKSANAAN

20. Melalui Pelan Integriti Jakim, dua pendekatan utama akan digunakan dalam membendung masalah pelanggaran integriti di kalangan warga Jakim. Pendekatan pertama adalah melalui **kawalan pencegahan** yang berfungsi untuk mengekang sebarang unsur-unsur yang boleh menyebabkan berlakunya pelanggaran integriti di kalangan warga kerja. Pendekatan kedua adalah melalui **aktiviti pemulihan** yang dilaksanakan kepada warga kerja yang telah pun terlibat dengan aktiviti pelanggaran integriti. Gambaran lanjut mengenai mekanisme pelaksanaan Pelan Integriti Jakim adalah seperti **Rajah 2**.



**Rajah 2 :**  
Mekanisme Pelaksanaan Pelan Integriti Jakim



### **20.1 Penghayatan**

- Memberi kefahaman dan kesedaran mengenai nilai, etika dan integriti dalam perkhidmatan awam; dan
- Menimbulkan kesedaran dan keinsafan di kalangan warga Jakim tentang pengukuhan integriti sebagai lambang keutuhan iman.

### **20.2 Penerapan**

- Membudayakan integriti sebagai amalan dan gaya hidup warga Jakim; dan
- Mempelbagaikan dan melaksanakan program peningkatan kualiti dan pembudayaan integriti di semua peringkat.

### **20.3 Pengukuhan**

- Memantapkan mekanisme ketelusan supaya pelanggan mempunyai keyakinan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Jakim;
- Mewujudkan penanda aras dan indikator atau Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*) bagi setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan; dan
- Mengaplikasikan konsep pengurusan dan proses pembelajaran sepanjang hayat (*long life learning*).

### **20.4 Pengiktirafan**

- Mengenal pasti dan memberikan pengiktirafan yang bersesuaian kepada individu/ kumpulan/ organisasi yang cemerlang dalam membudayakan integriti serta dapat meningkatkan imej Jakim;
- Mewujudkan sistem penilaian yang lebih berkesan, adil dan saksama bagi tujuan penghargaan atau pemberian seperti pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada warga Jakim; dan
- Mengadakan Hari Inovasi Jakim dengan mengadakan program-program yang bersesuaian bagi meningkatkan integriti dan kreativiti warga Jakim.

### **20.5 Sokongan**

- Mendorong dan menggunakan pelbagai saluran komunikasi sebagai usaha untuk meningkatkan integriti dan motivasi diri di kalangan warga Jakim yang berprestasi 70% ke bawah atau terlibat dengan aktiviti salah laku atau pelanggaran integriti; dan
- Melaksanakan program pemulihan khusus seperti program pengukuhan sahsiah dan jati diri, motivasi, pementoran, pemindahan tempat kerja serta sesi kaunseling sebagai suatu proses pemulihan.


### 20.6 Punitif

- Melaksanakan sistem pengurusan tatatertib jabatan dengan pantas dan berkesan mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan; dan
- Memastikan setiap warga Jakim yang terlibat dalam pelanggaran peraturan atau undang-undang dikenakan tindakan punitif (hukuman) yang tegas, adil dan saksama berdasarkan prosedur yang ditetapkan.

## SASARAN STRATEGIK PELAN INTEGRITI DAN KOD ETIKA JAKIM

21. Bagi memastikan Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim dilaksanakan secara berkesan, empat (4) sasaran strategik utama telah dikenal pasti seperti dinyatakan dalam **Rajah 3** berikut:

**Sasaran Strategik Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim**



**Rajah 3 :**

Sasaran Strategik Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim



### **Sasaran Strategik 1: Melahirkan Modal Insan yang Berintegriti**

22. Modal insan yang berintegriti bukanlah satu anugerah yang boleh diperoleh secara mudah oleh sesebuah organisasi. Ia memerlukan usaha kerja yang bersepadu melalui proses pengurusan sumber manusia yang cekap merangkumi aktiviti penyaringan, pemilihan, tapisan pelantikan, pembangunan kompetensi dan kerjaya, kebajikan, pengiktirafan serta pelaksanaan pelan penggantian yang berstrategik. Pengurusan modal insan yang cekap bertujuan membentuk tenaga kerja berilmu, berfikiran strategik, sentiasa relevan dengan perubahan persekitaran serta mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang tinggi. Justeru sasaran yang ditetapkan bagi melahirkan modal insan berintegriti adalah melalui pelaksanaan sasaran strategik berikut:

22.1 Memperkasa Program Pembangunan dan Latihan Modal Insan Berintegriti

22.2 Meningkatkan Budaya Kerja Cemerlang

### **Sasaran Strategik 2: Membudayakan Nilai-nilai Murni dan Integriti dalam Perkhidmatan**

23. Pengamalan nilai-nilai murni dalam kerja seharian akan mewujudkan suasana kerja yang harmoni, ceria serta membantu ke arah penghasilan mutu kerja yang produktif dan berkualiti. Justeru, menjadi satu tanggungjawab di kalangan warga Jakim untuk membudayakan integriti dan nilai-nilai murni sebagai amalan dalam urusan kerja seharian. Bagi memupuk nilai-nilai murni dan integriti di kalangan warga kerja, sasaran strategik yang ditetapkan adalah seperti berikut:

23.1 Meningkatkan Kefahaman dan Penghayatan Nilai-nilai Murni dan Integriti

23.2 Meningkatkan Kesedaran Terhadap Nilai-nilai Murni dan Integriti

23.3 Melaksanakan Program Penggalakan Amalan Nilai-nilai Murni

### **Sasaran Strategik 3: Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian**

24. Seiring dengan ledakan kemajuan ICT, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mengarusperdanakan transformasi digital Sektor Awam ke arah pemerkasaan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien, inovatif dan berkualiti. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, cepat, berintegriti



dan mesra pelanggan hendaklah diberi keutamaan selaras dengan prinsip Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Setiap Bahagian di Jakim perlu memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik melalui perancangan yang sistematik dan terselaras bagi menghalang berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah. Sasaran strategik yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- 24.1 Memperluas Penggunaan ICT Secara Berkesan
- 24.2 Memantapkan Sistem Pengurusan Pelanggan

#### **Sasaran Strategik 4: Memperkasa Tadbir Urus Terbaik**

25. Pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran yang sistematik menjadi asas kepada pengukuhan integriti dalam sesebuah organisasi. Ia dapat dilaksanakan melalui pewujudan mekanisme perancangan, pelaksanaan dan pemantauan usaha-usaha membudayakan nilai-nilai murni dan integriti. Tadbir urus adalah sistem yang telus, bertanggungjawab, adil, mempunyai *check and balance*, peka serta mengambil kira keperluan dan kehendak awam. Ia berasaskan empat (4) prinsip utama iaitu integriti, akauntabiliti, pengawasan (*stewardship*) dan ketelusan. Prinsip-prinsip tersebut diperkenalkan dengan matlamat ke arah menyemai dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan sektor awam dalam melaksanakan dasar yang telah diamanahkan di samping mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian perkhidmatan. Sasaran strategik ini akan dicapai melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:

- 25.1 Memperkasa Sistem Kawalan Dalaman
- 25.2 Memantapkan Mekanisme Tadbir Urus
- 25.3 Meningkatkan Prestasi Pegawai Berprestasi Rendah
- 25.4 Mengukuhkan Hubungan di Kalangan Warga Jakim
- 25.5 Mewujudkan Suasana Kerja yang Kondusif



### Sasaran Strategik 1: Melahirkan Modal Insan Berintegriti

Bil	Strategi	Program/ Aktiviti	Pelaksana	Indikator (KPI)	Tempoh/ Sasaran
1.	Memperkasakan Program Pembangunan dan Latihan Modal Insan Berintegriti	Melaksanakan Pelan Penggantian Jakim Bagi Jawatan-Jawatan Strategik	BPSM Bhg. Pem. Insan	Pelantikan Pegawai Kanan Berkaliber	Mengikut Keperluan
		Mewajibkan Warga Kerja Menghadiri Kursus/Latihan/ Bengkel/ Ceramah Integriti/PNI	Bhg. Pem. Insan BPSM Bhg. Dakwah	Semua warga kerja telah menghadiri program integriti/PNI	Sehingga 2014
		Melaksanakan Bengkel Kumpulan Inovasi & Kreativiti (KIK) [PKPA Bil.7 Tahun 1991]	Bhg. Dakwah Semua Bahagian	Impak pelaksanaan Bengkel KIK dilaporkan kepada JP PIKEJ	Sekurang-kurangnya 1 Bengkel Setahun
2.	Meningkatkan Budaya Kerja Cemerlang	Mewujudkan KIK Setiap Bahagian (dipertandingkan)	Bhg. Dakwah Semua Bahagian	Produk Inovasi & Kreativiti Jakim dihasilkan	3 Produk KIK Setahun
		Memberi Anugerah/ Pengiktirafan KIK	Bhg. Dakwah	Anugerah/ Pengiktirafan KIK	Tahunan
		Program <i>Book Reviews</i>	Semua Bahagian	Jumlah Program dilaporkan kepada JP PIKEJ	12 Kali Setahun

## Sasaran Strategik 2: Membudayakan Nilai-Nilai dan Integriti dalam Perkhidmatan

Bil	Strategi	Program/ Aktiviti	Pelaksana	Indikator (KPI)	Tempoh/ Sasaran
1.	Meningkatkan Kefahaman dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni dan Integriti	Program Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (Modul PIPA)	Bhg. Dakwah	Impak keberkesanan program dilaporkan kepada JP PIKEJ	Sekurang-kurangnya 2 Kali Setahun
		Program Penerapan Nilai-Nilai Islam (Model PNI)	Bhg. Dakwah Jakim Cawangan	Impak keberkesanan program dilaporkan dalam Mesyuarat JP PIKEJ	Sekurang-kurangnya 2 Kali Setahun
		Hebahan Berita, Mutiara Integriti, Publisiti Ikon Integriti,	Bhg. Dakwah PRO Jakim Semua Bahagian	Impak keberkesanan program dilaporkan kepada JP PIKEJ	Tahunan
		Bengkel/Kursus (Modul <i>Smart Integrity</i> )	Bhg. Dakwah ILIM	Impak keberkesanan program dilaporkan kepada JP PIKEJ	Sekurang-kurangnya 1 Kali Setahun
2.	Meningkatkan Kesedaran Terhadap Nilai-Nilai Murni dan Integriti	Bicara Pelan Integriti dan Kod Etika (PIKEJ) (10 minit tazkirah awal pagi)	Semua Bahagian	Penglibatan Warga Jakim dilaporkan kepada JP PIKEJ	Tahunan
		Melaksanakan Hari Inovasi Jakim (Ceramah, Pameran, Pertandingan, Anugerah Inovasi & Kreativiti)	Bhg. Dakwah BKP	Hari Inovasi 'Q' Jakim diadakan	Sekurang-kurangnya 1 Kali setahun
3.	Melaksanakan Program Penggalakkan Amalan Nilai-Nilai Murni	Memberi Penghargaan/ Ganjaran/ Anugerah Pekerja Yang Telah Menunjukkan Integriti Cemerlang	BKP	Mekanisma Penilaian Anugerah Pekerja Berintegriti Divujudkan	Tahunan
		Melaksanakan Audit Nilai Integriti	BKP	Audit Nilai Integriti Dijalankan	Tahunan
		Penguatkuasaan/ Pemantauan Program Penerapan Nilai-Nilai Murni (Ceramah, Tazkirah, Bacaan Yassin dan lain-lain)	Bhg. Dakwah	Kajian Keberkesanan Program dilaporkan kepada JP PIKEJ	Tahunan
		Kempen Salam, Sapa, Senyum, Sopan, Sayang, Sambut, Sahut, Segera, Segak, Sempurna, Syukur	BKP	Impak keberkesanan program dilaporkan kepada JP PIKEJ	Tahunan

### Sasaran Strategik 3: Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian

Bil	Strategi	Program/ Aktiviti	Pelaksana	Indikator (KPI)	Tempoh/ Sasaran
1.	Memperluas Penggunaan ICT Secara Berkesan	Sistem E-Jakim Diperkasakan	BPM	Pemantauan berkesan Sistem E-Jakim	Tahunan
		Pembudayaan Sistem On-Line: - Maklum balas - Laporan - Memo Edaran - Panggilan Mesyuarat	BPM Semua Bahagian	Pelaksanaan Sistem <i>On-Line</i>	Tahunan
		Amalan Konsep <i>Knowledge Sharing</i>	BPM Bhg. Penerbitan Semua Bahagian	Pelaksanaan Konsep <i>Knowledge Sharing</i>	Tahunan
		Hebahan Maklumat Secara Maya: <a href="http://www.Jakim.tv">www.Jakim.tv</a> <a href="http://www.islamgrid.my">www.islamgrid.my</a>	BPM Bhg. Media	Jumlah hit pelanggan dilaporkan kepada JP PIKEJ	Tahunan
2.	Memantapkan Sistem Pengurusan Pelanggan	Pasukan Pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM)	BPM	Mendapatkan Penarafan Laman Web oleh MAMPU	2015-2019
		Melaksanakan Sistem Aduan/ Cadangan/ Saranan Secara <i>On-line</i>	BKP PRO Jakim	Jumlah kes yang berjaya diselesaikan	Tahunan





#### Sasaran Strategik 4: Memperkasa Tadbir Urus Terbaik

Bil	Strategi	Program/ Aktiviti	Pelaksana	Indikator (KPI)	Tempoh/ Sasaran
1.	Memperkasa Sistem Kawalan Dalaman	Mendapatkan Penarafan Sistem <i>Star Rating</i> (SSR) MAMPU	BPSM BKP	Penarafan bintang dalam SSR MAMPU	2015-2019
		Mendapatkan Pengiktirafan MS ISO 9001:2008 /SS	BKP	Penarafan MS ISO/SS	2015
		ICT <i>Security Scorecard</i>	BPM	Pematuhan Kepada Dasar Keselamatan ICT MAMPU	2015-2019
		Pelaksanaan Sistem Pengurusan Fail	BKP	Audit Pengurusan Fail dijalankan	2 Kali Setahun
		Pelaksanaan Audit Tugas Harian	Bhg. Perancangan & Penyelidikan	Impak pelaksanaan dilaporkan dalam Mesyuarat JP PIKEJ	Sekurang-kurangnya 2 Kali Setahun
2.	Memantapkan Mekanisme Tadbir Urus	Jawatankuasa Keutuhan dan Tadbir Urus (JKTU)	Bhg. Perancangan & Penyelidikan	Dilaporkan dalam Mesyuarat JKTU	2 Kali Setahun
		Meningkatkan Peranan Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	BPSM	Jumlah isu yang berjaya diselesaikan	8 Kali Setahun (4 Majikan/4 Pekerja)
3.	Meningkatkan Prestasi Pegawai Berprestasi Rendah	Memberi Khidmat Bimbingan Kaunseling	BPSM	100% Penglibatan Individu berkaitan	Tahunan
		Melaksanakan Program Pemulihan : - Kem Motivasi - Team Building - Bina Sahsiah - <i>Tasleh An-Nafs</i>	BPSM Bhg. Pem. Insan	100% Penglibatan Individu berkaitan	Tahunan

Bil	Strategi	Program/ Aktiviti	Pelaksana	Indikator (KPI)	Tempoh/ Sasaran
4.	Mengukuhkan Hubungan dalam Kalangan Warga Kerja	Mengadakan Majlis Sambutan Perayaan/ Keraian/Kematian : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hari Kebesaran</li> <li>- Majlis Hari Raya</li> <li>- Hadiah Hari Lahir, Perkahwinan, Kelahiran</li> <li>- Sumbangan Khairat Kematian</li> </ul>	BKP KKRJ PKPU PUSPANITA	Aktiviti Dijalankan	Tahunan
		Program Silaturrahim: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hari Keluarga</li> <li>- Sukan Antara Bahagian</li> </ul> Kempen Semangat Kekitaan ( <i>esprit de corp</i> ) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anugerah Kecemerlangan Malam Jasamu Dikenang</li> <li>- Ziarah Ukhuwah</li> <li>- Kempen Gaya Hidup Sihat</li> </ul>	BKP KKRJ PUSPANITA PKPU	Aktiviti Dijalankan	1 Kali Setahun
5.	Mewujudkan Suasana Kerja yang Kondusif	Imej Korporat Jakim : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Logo</li> <li>- Slogan/Tag Line</li> <li>- Piagam Pelanggan</li> </ul>	BKP	Imej Korporat Jakim diwujudkan	2014
		Menjalankan Kajian Kepuasan Pekerja	BPI	Impak Kajian Kepuasan Pekerja dilaporkan kepada JP PIKEJ	2014
		Menjalankan Audit Keceriaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaunter Khidmat Pelanggan</li> <li>- Kafeteria</li> <li>- Tandas</li> </ul>	BKP	Impak Audit Keceriaan dilaporkan kepada JP PIKEJ	2015
		Menganjurkan Pertandingan Keceriaan Pejabat	BKP	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mekanisma Pertandingan diwujudkan</li> <li>- Pemenang tahunan diumumkan</li> </ul>	Tahunan

## TINDAKAN DAN PEMANTAUAN

26. Bagi memastikan pelaksanaan program-program yang telah ditetapkan dalam Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim, satu jawatankuasa yang dikenali sebagai **Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim (JP PIKEJ)** ditubuhkan. JP PIKEJ adalah bertanggungjawab untuk memantau, mengkaji dan memastikan pelaksanaan program-program dan aktiviti yang dirancang dalam Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim dapat dijalankan dengan berkesan. Keanggotaan JP PIKEJ adalah seperti dinyatakan dalam **Rajah 4** berikut:



**Rajah 4 :**  
Keanggotaan JP PIKEJ



## PENUTUP

Adalah menjadi kewajipan dalam kalangan Penjawat Awam untuk mengukuhkan integriti perkhidmatan, mempertingkatkan tadbir urus serta mengurangkan karenah birokrasi dalam urusan kerja seharian. Tindakan-tindakan ini tidak boleh dilaksanakan secara bersendirian kerana akan melibatkan isu pertindihan tugas, pembaziran masa, tenaga serta wang ringgit. Justeru, mekanisme yang ditetapkan dalam 4 Sasaran Strategik Pelan Integriti dan Kod Etika Jakim perlu dilaksanakan secara bersepadu melalui iltizam yang tinggi dan berterusan. Bagi memastikan sasaran-sasaran strategik tersebut kekal relevan, usaha-usaha penambahbaikan dari semasa ke semasa perlu dilaksanakan sesuai dengan kehendak *stakeholder*, keperluan pelanggan serta perubahan persekitaran. Apa yang penting, setiap warga Jakim perlu memahami, menghayati seterusnya membudayakan amalan nilai-nilai murni dan integriti dalam perkhidmatan seharian. Semoga melalui usaha murni ini menjadikan Jakim lebih cemerlang ke arah mencapai matlamat misi nasional dan Wawasan 2020.



## RUJUKAN

1. Akta Rahsia Rasmi 1972
2. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2009
3. Buku Kecil 1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Ogos 2009.
4. Citra Karya (Falsafah Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam) - INTAN
5. Kajian *Global Corruption Barometer* (GCB) 2010
6. Kajian *Transparency International* (TI) 2011
7. Kecemerlangan Pentadbiran (Dasar dan Amalan dalam Islam), Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1991
8. Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1991.
9. Pelan Integriti Jabatan Peguam Negara 2010
10. Pelan Integriti Nasional (2004) dan INTAN (1991)
11. Pelan Integriti Organisasi Kementerian Pelajaran Malaysia
12. Pelan Integriti MAMPU 2010-2012
13. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA)
14. Pelan Tindakan Strategik Jakim 2009-2014
15. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985
16. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa
17. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A)176/2005]
18. Perintah-perintah AM [P.U (A)395/1993]
19. Wawasan 2020
20. <http://www.iim.com.my/>
21. <http://www.transparency.org>

Rujukan: JAKIM/(S)/(2.00)/23/( )



**SURAT AKU JANJI**

Saya,..... No. Kad Pengenalan:..... beralamat di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-Perintah Am, pekeliling dan surat pekeliling serta apa-apa peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bahawa saya:

- i. akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan;
- ii. akan sentiasa melaksana tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- iii. tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
- iv. tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam saya;
- v. tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai awam;
- vi. tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri saya sendiri;
- vii. tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan dan mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- viii. tidak akan membawa atau cuba membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau tuntutan pegawai awam lain berhubung dengan perkhidmatan awam; dan
- ix. tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....  
(Tandatangan Pegawai)

.....  
(Jawatan Pegawai)

Di hadapan saya,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

.....  
(Nama dan No. Kad Pengenalan Ketua Jabatan)

.....  
(Tarikh)

.....  
(Cop Rasmi Jabatan)